

JPN ambil serius dakwaan jual bayi

BH
28/11/16
mls 15

→ Beberapa kementerian bincang laporan Malaysia jadi pusat operasi sindiket haram

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Muhd Amirul Faiz Ahmad
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi dalam setiap pengeluaran sijil kelahiran bayi di

negara ini.

Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Mohd Yazid Ramli, menegaskan JPN mendaftar setiap kelahiran kanak-kanak tanpa prejudis dan tanpa mengira status kanak-kanak berkenaan.

Beliau berkata, sekiranya syarat permohonan dipenuhi dan dokumen yang dikemukakan ketika permohonan adalah teratur dan lengkap, permohonan berkenaan boleh diterima dan diproses untuk pengeluaran sijil kelahiran.

“Setiap pendaftaran kelahiran yang dilaksanakan di kaunter pendaftaran akan disemak oleh pegawai penyelia merangkumi dokumen asal dan salinannya, borang serta maklumat yang telah direkodkan di dalam sistem.

“Sekiranya semakin mendapati ia lengkap, teratur dan sempurna, barulah sijil kelahiran akan dikeluarkan oleh penyelia. Jika permohonan tidak lengkap atau tidak me-

enuhi prosedur, permohonan pendaftaran kelahiran akan ditangguh sehingga pemohon dapat melengkapkan dokumen serta maklumat yang diperlukan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Justeru, Mohd Yazid memandang serius dokumentari yang disiarkan stesen kabel Al Jazeera pada Jumaat lalu yang mengaitkan pegawai JPN dengan sindiket penjualan bayi di negara ini.

Tak akan berkompromi

Katanya, JPN tidak akan berkompromi sekiranya pegawai JPN terbabit dalam mengeluarkan sijil kelahiran kepada bayi yang diperdagangkan.

Dokumentari bertajuk *Malaysian Babies For Sales* itu turut menyebut soal pemalsuan dokumen kelahiran bayi dengan dibantu pegawai yang berkhidmat di JPN.

Di **Santubong**, Menteri Pembinaan Wanita, Keluarga dan Ma-

syarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata beberapa kementerian termasuk kementerianya mula bermesyuarat minggu ini bagi membincangkan dakwaan sindiket penjualan bayi yang menjadikan negara ini sebagai pusat operasi mereka.

Rohani berkata, tujuan lain mesyuarat berkenaan dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti sejauh mana seriusnya sindiket terbabit bergerak di negara ini, seperti dilaporkan Al Jazeera.

“Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan, termasuk agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JPN, antara lain dijangka akan membincangkan langkah melindungi wanita dan kanak-kanak agar tidak terjerumus dalam sindiket itu,” katanya selepas merasmikan Majlis Kepemimpinan Akar Umbi Dalam Kawasan Parlimen Batang Lepar, di sini, semalam.



Jika terdapat keraguan, permohonan akan dirujuk ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan untuk siasatan lanjut”

Mohd Yazid Ramli,
Ketua Pengarah
Pendaftaran Negara